

Keratan Akhbar bertarikh 29 Julai 2016

Harian Metro

>> **Bunga tanjung sembilan kelopak bunga rasmi bagi Selangor**

# Hak warisan Selangor

Ayusliza Azizan  
hmetroshahalam@hmetro.com.my

■ **PADAT, SCHEME mahu patenkan sulaman Tekat Gubah Bunga Tanjung Sembilan Kelopak**

Foto: MUHAMMAD SULAIMAN

Shah Alam

**S**ulaman 'Tekat Gubah Bunga Tanjung Sembilan Kelopak' bakal dipatenkan sebagai hak cipta Selangor untuk kegunaan eksklusif serta hak warisan negeri ini.

Perbadanan Adat-Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dengan kerjasama Persatuan Pakar Pembuatan Kraf dan Sulam Tangan Kuala Lumpur dan Selangor (SCHEME) kini dalam usaha mendapatkan hak berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi negeri Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, paten sembilan kelopak bunga itu mewakili sembilan daerah di Selangor.

"Selain itu, bunga tanjung salah satu ragam hias utama yang diabadikan Almarhum Sultan Sir Alaeddin Suleiman Shah dalam seni bina Istana Bandar di Kampung Bandar, Kuala Langat sejak tahun 1905.

"Sulaman yang dilakukan



**FAKTA**  
Paten sembilan kelopak bunga itu mewakili sembilan daerah di Selangor

DR Yunus (tengah) diberi penerangan mengenai Tekat Gubah Bunga Tanjung oleh Pengerusi SCHEME Noor Ba'ah Abdul Said (kanan).

menonjolkan motif utama bunga tanjung sembilan kelopak yang juga bunga rasmi bagi Selangor," katanya pada sidang media 'Tekat Gubah Bunga Tanjung Terpanjang di Malaysia' di sini, semalam.

Hadir sama, Penaung

SCHEME Norehan Kassim.

Dalam pada itu, Ahmad Yunus berkata, PADAT dengan kerjasama SCHEME dalam usaha menghasilkan tekat gubah bunga terpanjang berukuran sembilan meter panjang dan 0.91 meter lebar itu.

"Catatan rekod berkenaan adalah inisiatif PADAT bagi memperkenalkan seni kraf-

tangan dan warisan Melayu yang semakin dilupakan terutama di kalangan golongan muda.

"Sulaman yang baru siap sepanjang 5.4 meter itu dijangka selesai sepenuhnya pada 26 Ogos dengan melibatkan 31 penyulam terdiri daripada 21 kakitangan PADAT dan 10 dari SCHEME," katanya.